

**BN Terbukti Parti Yang Berjaya Satukan Semua Bangsa - Tun Abdullah Bernama**  
**26 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) adalah satu-satunya parti yang berjaya menyatupadukan semua bangsa walaupun berlainan agama dan fahaman politik, kata bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata ini terbukti dengan keamanan yang dikecapi negara sejak bebas daripada penjajah dan kemudiannya dipimpin oleh pemimpin BN yang sentiasa komited memajukan bangsa dan negara.

"Sesungguhnya konflik dan pertelingkahan tidak akan mengganggu gugat ketenteraman serta keamanan yang kita kecapai selama ini," katanya pada majlis makan malam meraikan peserta forum antarabangsa bertajuk 'Konflik dan Pendamaian Dalam Politik Rakyat: Menoleh Ke Belakang atau Memandang Ke Hadapan' di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Forum itu diadakan sempena Persidangan Agung Umno ke-66. Turut hadir Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Abdullah berkata Malaysia merupakan negara yang sentiasa berusaha melakukan pelbagai inisiatif penyatupaduan bangsa tidak kira dalam dan luar negara demi menjamin kerjasama untuk pembangunan ekonomi.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=711721>